



HARAPAN MAHATHIR KEPADA PENJAWAT AWAM MALAYSIA BAHARU: ANALISIS UCAPAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

*(Mahathir's Expectations for New Malaysian Civil Servants: The Analysis of Tun Dr Mahathir Mohamad's
Speeches)*

Joyce Lynn-Sze Cheah^{1*}

¹Communication Department, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia

*Corresponding Author: joycecheah@uum.edu.my

Received: 20 October 2020 • Accepted: 27 October 2021 • Published: 31 October 2021

Abstract

The purpose of this article is to identify the aspects that Mahathir stressed on his first year of office as the 7th Prime Minister of Malaysia. The focus of this study is from the aspect of visionary leadership, namely the vision formation and vision delivery to civil servants through his speeches. This was done by content analyzing Mahathir's five speeches during the YAB Prime Minister's Monthly Meeting with the Public Servants in the Prime Minister's Department (JPM) from May 2018 to May 2019. Themes from the speech texts were analyzed using the NVivo12 qualitative analysis package. The results showed that there were four themes that are often emphasized in Mahathir's speech, namely civil servant responsibility, national recovery, values and loyalty. This study also showed that the combination of these themes formed by Mahathir has its own thoughts in uplifting the spirit of civil servants to restore the country.

Keywords: Leadership communication, Mahathir's speeches, Visionary leadership

Abstrak

Matlamat artikel ini adalah untuk mengenalpasti aspek-aspek yang ditekankan oleh Mahathir dalam ucapan sepanjang tahun pertama beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-7. Fokus kajian ini adalah dari segi kepimpinan bervisi, iaitu pembentukan dan penyampaian visi Mahathir kepada penjawat awam melalui ucapan beliau. Ini dilakukan dengan menganalisis kandungan lima ucapan Mahathir semasa Perhimpunan Bulanan YAB Perdana Menteri bersama Penjawat Awam di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dari bulan Mei 2018 hingga Mei 2019. Tema dalam teks ucapan dianalisis menggunakan pakej analisis

kualitatif NVivo12. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat tema yang sering ditekankan dalam ucapan Mahathir, iaitu tanggungjawab penjawat awam, pemulihan negara, nilai murni dan kesetiaan. Kajian ini turut memperlihatkan bahawa kombinasi tema ini yang terbentuk daripada Mahathir mempunyai pemikiran tersendiri dalam menaikkan semangat penjawat awam memulihkan negara.

Kata kunci: Komunikasi kepimpinan, Kepimpinan bervisi, Ucapan Mahathir

Cite as: Cheah., J.L.S (2021). Mahathir's Expectations for New Malaysian Civil Servants: The Analysis of Tun Dr Mahathir Mohamad's speeches. *Asian People Journal*, 4(2), 116-126.

PENGENALAN

Pada bulan Mei 2018, Pakatan Harapan (PH) telah menggegarkan pihak lawan dan rakyat mendesak untuk memulihkan keadaan negara dengan segera. Barisan Nasional (BN) yang telah mentadbir negara selama 61 tahun telah digulingkan oleh gabungan Pakatan Harapan yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berusia 93 tahun, sekali lagi memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia. Beliau mengakui bahawa memimpin kerajaan kali ini adalah lebih sukar berbanding ketika beliau menerajui kepemimpinan kerajaan pada tahun 1981. Rakyat sering menggesa kepimpinan Pakatan Harapan untuk mengambil langkah yang jelas dan tetap untuk membawa kestabilan politik dalam negara dengan meletakkan pakej peralihan yang jelas berdasarkan perjanjian Pakatan Harapan pra-PRU14.

Walaupun Mahathir telah diakui sebagai seorang komunikator yang berkesan, boleh dikatakan keberkesannya adalah disebabkan oleh gaya kepimpinan transformasional yang menyatukan ideologinya. Kepimpinan transformasional, adalah keupayaan untuk memberi inspirasi kepada sekumpulan individu untuk mengikuti visi pemimpin untuk menghasilkan output yang lebih baik untuk individu dan masyarakat (Berson, Halevy, Shamir & Erez, 2015). Kepimpinan transformasional berlaku apabila pemimpin merangsang, memotivasi, dan memberi inspirasi kepada kumpulan untuk bergerak ke arah visi pemimpin, dengan idea bahawa visi akan menghasilkan kebaikan yang lebih baik untuk individu, masyarakat, dan negara (Martin, McCormack, Fitzsimons, & Spirig, 2014).

Terdapat banyak cara untuk pemimpin menyampaikan visi yang telah dibentuk dan salah satunya adalah melalui ucapan. Banyak usaha yang perlu diambil untuk membentuk satu ucapan yang baik. Ini bertujuan supaya pendengar memahami dan dapat menerima visi yang disampaikan. Mahathir memainkan peranan yang aktif dalam penulisan teks ucapannya serta mengendalikannya dengan rapi dan bertanggungjawab (Khoo, 1995). Oleh itu, ucapannya sering mengandungi kata-kata dan hujah-hujah yang ditulis oleh Mahathir sendiri. Ini terutamanya apabila ucapan berkaitan dengan nilai, etika, dan ekonomi (Cheah & Ahmad, 2017). Oleh itu, kandungan mesej Mahathir merupakan komponen yang dapat memberi kesan terhadap perspektif masyarakat, terutamanya penjawat awam. Justeru, matlamat kajian ini adalah menganalisis teks ucapan Mahathir yang memfokuskan aspek dan harapan yang dikaitkan dengan pembaharuan Mahathir pada tahun pertama beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri ke-7. Kajian ini dapat melihat bagaimana beliau merangka kandungan mesej yang mencerminkan seorang pemimpin berinspirasi, bermotivasi, berwawasan, dan berkarisma. Komponen tersebut merupakan formula kepada kepimpinan transformasi.

Teori Kepimpinan Bervisi

Menurut Holladay dan Coombs (1994), kandungan mesej boleh diringkaskan dalam satu perkataan, iaitu visi. Visi boleh didefinisikan sebagai gambaran masa depan atau sesuatu yang dibayangkan tetapi belum menjadi kenyataan. Shamir et al. (1993) mendefinisikan visi sebagai sesuatu yang mewakili atau mencerminkan nilai-nilai yang dikongsi bersama untuk mencapai matlamat. Manakala, istilah kepimpinan bervisi merujuk kepada keupayaan untuk memberi inspirasi dan membangunkan individu, mencari potensi dan mampu mengubahnya kepada lebih baik (Bromley & Kirschner-Bromley, 2007). Kepimpinan transformasi bukan sahaja memberi inspirasi kepada pengikut, malah membina tanggungjawab bersama melalui visi serta memupuk nilai dan matlamat organisasi (Kearney et al., 2019).

Visi dianggap penting dalam aspek kepimpinan, contohnya dalam pelaksanaan dan perubahan strategi (Ali, et al., 2011). Kandungan visi merupakan mesej pemimpin dan cara mesej tersebut diterjemahkan boleh dinyatakan dengan jelas dan difahami oleh pengikut (Mayfield, Mayfield, & Sharbrough, 2015). Penyelidikan tentang kandungan mesej telah mengkaji kesan perbezaan antara kandungan mesej yang berasaskan imej dan kandungan mesej yang berasaskan konsep (Emrich et al., 2001). Kandungan mesej yang berasaskan imej cenderung untuk menimbulkan tindak balas emosi daripada pengikut manakala kandungan mesej yang berasaskan konsep cenderung untuk membangkitkan tindak balas kognitif daripada pengikut (Emrich et al., 2001).

Terdapat pelbagai ciri-ciri kandungan visi yang berkesan, iaitu ringkas, jelas, berorientasikan masa depan, kestabilan, cabaran, abstrak dan keupayaan untuk memberi inspirasi (Kantabutra & Avery, 2010; Mayfield et al., 2015). Menurut Smutkupt (2014), visi yang mempunyai ciri-ciri ini dinyatakan dapat menghasilkan pencapaian yang lebih baik daripada visi yang tidak mengandungi ciri-ciri seperti disebutkan di atas. Tujuba dan Davidson (2019) mencadangkan bahawa visi perlu disampaikan melalui komunikasi. Ini adalah kerana keintelektualan, matlamat dan visi, nilai diwujudkan dan ditonjolkan melalui komunikasi. Maka, komunikasi adalah medium untuk karisma, dan justeru, komunikasi itu menjadi asas bagi kepimpinan transformasi.

Naidoo dan Lord (2008) telah mengkaji hubungan antara ucapan presiden Amerika Syarikat dan juga aspek karisma. Mereka mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan di antara tahap pembentukan mesej dan penilaian pemimpin berkarisma. Hasil kajian ini selaras dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa hubungan yang positif antara kemahiran pembentukan kandungan mesej dan keupayaan untuk memujuk pengikut untuk melaksanakan visi (Emrich et al., 2001). Berdasarkan kajian di atas, hubungan antara persepsi individu karisma seorang pemimpin adalah berdasarkan kepada kesan pemahaman kandungan mesej yang dibentuk.

Kajian lepas menekankan kepentingan pembentukan visi terhadap persepsi pengikut. Pemimpin perlu membentuk visi serta mengetahui bagaimana kandungan visi tersebut berinteraksi dengan pengikut dan faktor yang memberi kesan kepada pengikut. Walaupun ciri-ciri pemimpin, pengikut, situasi dan budaya merupakan aspek yang penting, tetapi kajian lepas menunjukkan bahawa kandungan visi pemimpin juga merupakan aspek yang kritikal. Ini kerana kandungan visi dapat memimpin pengikut dalam melaksanakan visi, memotivasi dan meyakinkan pengikut dalam mencapai visi tersebut.

Tun Dr. Mahathir

Mahathir telah berjaya membangunkan negara Malaysia ketika beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri ke-4 dalam tempoh 22 tahun (1981-2003). Oleh itu, beliau merupakan tokoh yang ideal untuk dinilai kepimpinan transformasi menerusi ucapannya. Penggunaan aspek-aspek transformasi adalah tulang belakang kepada

keupayaan unik Mahathir untuk mempengaruhi rakyat pelbagai kaum, generasi, sosial dan ekonomi. Secara terperinci, beliau berupaya menyesuaikan mesejnya untuk memenuhi keperluan individu dalam populasi yang pelbagai. Melalui komunikasi juga, Mahathir dapat menyampaikan visi dan matlamat terbuka untuk tafsiran, menjana idea yang kolektif, memotivasikan orang ramai untuk bergerak dan mengambil tindakan ke arah matlamat.

Mauzy dan Milne (1983-1984) menyifatkan Mahathir sebagai seorang teknokrat dan stail pentadbirannya berdasarkan kepada kualiti pengurusan, termasuklah disiplin, kerajinan dan produktiviti. Tidak hairanlah Mahathir memilih negara Jepun dan Korea sebagai negara contoh Dasar Pandang ke Timur. Ini adalah kerana pada pandangannya negara-negara tersebut menunjukkan sifat-sifat seperti kesetiaan, bertimbang rasa, keberkesanan, kebersihan, keteraturan, keikhlasan, kejujuran dan yang paling penting kerajinan dan disiplin.

Faktor komunikasi kepimpinan merupakan kepentingan utama dalam menentukan kejayaan sesuatu pembaharuan yang dilaksanakan (Ali et al., 2011). Ahmad Atory (2006) mendapati usaha pembaharuan di bawah pentadbiran Mahathir sejak tahun 1981 telah mencapai visi dan telah berjaya secara umumnya mengubah sikap kakitangan awam terhadap kecekapan, keberkesanan matlamat dan produktiviti. Data empirikal telah membuktikan bahawa strategi berbentuk struktur dan tingkah laku yang telah dipraktikkan untuk membuat pembaharuan terhadap birokrasi dan telah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sektor awam (Ahmad Atory, 2006). Menurut Mauzy dan Milne (1983-1984) lagi, Mahathir muncul sebagai seorang pemikir dan idealis. Ini adalah kerana di bawah pentadbirannya, negara Malaysia telah melalui satu proses transformasi yang tidak pernah digambarkan sebelum ini. Mahathir ingin menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan rakyatnya mampu bersaing di peringkat global. Beliau juga seorang tokoh yang tidak mudah mengaku kalah, memiliki personaliti tersendiri, mampu menyesuaikan diri dengan keadaan dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi (Ishtiaq, 2011).

Menurut kajian Ahmad Atory (1997), persepsi Mahathir terhadap kakitangan sektor awam agak berbeza dengan persepsi bekas Perdana Menteri sebelumnya. Setelah menjadi Perdana Menteri, Mahathir telah cuba untuk meningkatkan taraf ahli-ahli birokrat supaya menjadi lebih dinamik, berkesan dan produktif. Ini kerana Mahathir mengetahui bahawa birokrasi merupakan tunggak kepada kaum Melayu dan ekonomi negara dapat ditingkatkan sekiranya birokrasi digiatkan dengan kakitangan awam yang berkesan.

Kesimpulannya, Mahathir sememangnya pemimpin yang unik. Selama hampir satu dekad, Mahathir merupakan satu daripada tiga pemimpin yang paling penting dan berpengaruh selain Suharto dan Lee Kuan Yew (Ishtiaq, 2011). Dalam dasar politiknya yang anti Barat, beliau mampu membangunkan negara Malaysia seperti negara Barat. Pada pandangan penyelidik, kepimpinan Mahathir yang unik inilah yang menarik untuk dikaji semula. Visi dan pemikiran Mahathir amat signifikan dalam sejarah politik Malaysia dan adalah sesuatu yang sudah terbukti serta diakui. Justeru, analisis tematik kandungan visi beliau dikaji supaya dapat memberikan nilai-nilai yang mendasari visi karismatik yang menarik dan radikal.

Penjawat awam

Penjawat awam merupakan sumber yang membantu dalam menjalankan pentadbiran dan mencapai matlamat organisasi. Penjawat awam memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sebuah organisasi (Fadzin Nazirin, Mohammad Majaheed, Farah Husna, 2020). Modal insan berkualiti memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju penjawat awam dan memastikan pengurusan yang cekap. Oleh itu, sektor awam perlu cekap dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Penjawat awam bukanlah robot ataupun jentera yang boleh dikawal dengan mudah, tetapi memiliki pelbagai gelagat yang tersendiri (Sharifah Hayaati, Asmak & Mohd Izani, 2009). Walau bagaimanapun, penjawat awam memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan negara. Namun begitu, kini penjawat awam semakin matang dan berkembang mengikut perubahan semasa termasuklah penguasaan dan kemahiran baru seperti dalam bidang teknologi maklumat (Zainal, 2003). Dalam perbincangan tentang nilai dan etika penjawat awam, banyak isu dan masalah yang timbul. Malah, di pihak media massa, isu-isu dan permasalahan ini sentiasa menjadi liputan dan bahan berita. Ini adalah kerana ada dalam kalangan penjawat awam yang melanggar peraturan, undang-undang dan etika kerja yang telah ditetapkan sehingga menjejaskan imej dan reputasi perkhidmatan awam itu sendiri.

Kerajaan di bawah pentadbiran Mahathir telah menyatakan hasratnya untuk mewujudkan sebuah negara yang bersih, cekap dan amanah. Ini adalah kerana beliau yakin bahawa nilai-nilai murni perlu diterapkan oleh setiap penjawat awam untuk mencapai kemajuan yang pesat (Cheah & Ahmad, 2017). Pelbagai dasar dan pelan serta garis panduan telah diperkenalkan dalam kalangan penjawat awam bagi memastikan penjawat awam bertingklaku berpandukan kepada nilai-nilai murni.

Mahathir mempercayai bahawa etika kerja berkualiti boleh dipelajari daripada budaya Timur seperti negara Jepun dan Korea. Kedua-dua negara tersebut sering dijadikan teladan dari segi nilai dan pembangunan dengan menetapkan Dasar Pandang ke Timur. Bukan itu sahaja, etika kerja orang Jepun dan Korea yang menekankan disiplin, kesetiaan, dan ketekunan telah berfungsi sebagai pendorong bagi negara-negara dalam perkembangan ekonomi dan sosial. Etika kerja ini lahir daripada falsafah yang menyatakan bahawa kumpulan dan negara lebih penting daripada individu (Jaes, Nurul Aimi & Khairul Azman, 2020).

Bagi merealisasikan visi Mahathir untuk mewujudkan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah, kerajaan Malaysia perlu berhadapan dengan salah satu cabaran iaitu mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi dan profesional dalam menjalankan perkhidmatan. Oleh itu, penjawat awam memainkan peranan yang penting dalam proses melahirkan kerajaan berkesan.

METODOLOGI

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti aspek-aspek yang difokuskan oleh Mahathir dalam ucapan sepanjang tahun pertama beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri ke-7. Ini dilakukan dengan menganalisis lima ucapan Mahathir semasa Perhimpunan Bulanan YAB Perdana Menteri bersama Penjawat Awam di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dari bulan Mei 2018 hingga Mei 2019. Teks ucapan yang dianalisis ini diperolehi daripada laman web Pejabat Perdana Menteri.


Kajian ini menumpukan kepada tahun pertama Mahathir mengambil alih sebagai Perdana Menteri ke-7 kerana dalam tempoh ini beliau diberi peluang untuk menunjukkan dasar baru dan mewujudkan sinergi politik baru, dan ketika tindakannya akan dinilai secara kritis.

Tema-tema yang berkaitan yang terangkum di dalam teks ucapan dikaji bertujuan untuk melihat apakah tema yang ditekankan dalam teks ucapan tersebut. Kajian ini mengambil langkah untuk meneroka pembentukan mesej yang dicerminkan dalam ucapan Mahathir dan menemui tema-tema asas dalam konteks secara keseluruhan.

Kandungan daripada teks ucapan telah dikodkan dan dianalisis menggunakan program perisian NVivo 12.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Sebanyak 52 rujukan atau pernyataan di dalam teks ucapan telah dikodkan daripada lima sumber teks ucapan. Terdapat lima tema yang sering muncul dalam teks ucapan, iaitu tanggungjawab penjawat awam, kesetiaan, pemulihan negara dan nilai murni. Rujukan berkod yang paling banyak adalah daripada tema tanggungjawab penjawat awam, iaitu sebanyak 23 rujukan atau 44.2% daripada jumlah rujukan berkod. Tema kesetiaan dan pemulihan negara pula mempunyai 11 (21.2%) dan 10 (19.2%) masing-masing. Manakala tema nilai murni mempunyai 8 (15.4%) rujukan (Rajah 1). Analisis dan penilaian setiap tema akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam sub tajuk seterusnya.



Rajah 1: Kandungan mesej dalam teks ucapan Mahathir

Tanggungjawab penjawat Awam

Pelaksanaan tugas dan tanggungjawab pentadbiran atau pengurusan memerlukan perancangan dan penelitian berterusan. Proses memajukan pentadbiran pengurusan sektor awam adalah merupakan tanggungjawab semua anggota dalam sektor awam serta ahli-ahli pentadbiran Kerajaan (Zainal, 2003). Mahathir berkata bahawa penyesuaian dalam keadaan akan menjadikan setiap penjawat awam dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Ini termasuklah hubungan baik dalam kehidupan walaupun dengan kawan atau lawan.

Dalam ucapan Mahathir bersama warga JPM, beliau menyeru agar penjawat awam bersatu untuk mengambil tanggungjawab untuk menyahut cabaran yang dihadapi negara. Beliau percaya bahawa rakyat Malaysia boleh membina semula dan pulih dengan mengambil tindakan untuk membangun yang baru asas melalui penciptaan dan inovasi, tetapi memerlukan pengorbanan dan kerja keras menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Beliau juga memberi inspirasi kepada rakyat untuk memiliki semangat yang diperbaharui untuk mengubah negara menjadi tempat yang lebih baik untuk generasi akan datang. Mahathir juga berkata penjawat awam pada masa kini juga perlu siapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran terkini bagi memastikan mereka sentiasa berdaya saing. Beliau berkata ini adalah penting kerana negara sedang menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (*Industrial Revolution 4.0*) yang melibatkan teknologi automasi seperti Internet Pelbagai Benda, *Big Data*, integrasi sistem dan pengkomputeran awan yang akan secara langsung mengubah norma kerja baharu.

Kita yang terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri mempunyai tanggungjawab yang lebih daripada pihak yang lain. Kita yang boleh menjadi contoh kepada negara kita. Contoh pentadbiran yang baik dalam negara kita. Untuk mentadbir, kita memerlukan kuasa. Tanpa kuasa, kita tidak dapat melaksanakan tugas-tugas kita. Kuasa itu diberi kepada kita supaya kita dapat melaksanakan tanggungjawab kita. Tetapi kuasa itu juga boleh disalahgunakan. Jika disalahgunakan, hasilnya bukan sahaja pentadbiran yang tidak baik, tetapi kemerosotan segala-galanya dalam masyarakat kita (Disember, 2018)

Walaupun pada mulanya, kita tidak nampak banyak nikmat yang diterima, tetapi apabila kita berjaya mendirikan sebuah negara yang aman dan maju, kita sebagai rakyat akan memperoleh nikmat dan seluruh rakyat akan mencapai banyak kemajuan. Ini yang harus kita fikirkan sepanjang masa dimana sementara kita menjalankan tugas-tugas biasa, kita perlu ingat bahawa tugas-tugas itu mempunyai matlamat. Saya berpendapat bahawa amat penting sekali kita diingatkan tentang tujuan kita diberi kuasa untuk melaksanakan tugas dan bukan untuk diri sendiri. Itulah harapan kerajaan Pakatan Harapan yang telah menggantikan kerajaan yang lama. (Disember 2018).

Oleh itu, semua agensi kerajaan perlu memastikan bahawa penjawat awam tidak ketinggalan sebaliknya sentiasa *up-to-date* dengan kemahiran yang baharu melalui pelbagai inisiatif seperti meningkatkan tahap kemahiran dan kemahiran latihan semula (*upskilling and reskilling*) sebagaimana yang digariskan Dasar Kebangsaan Industri 4.0.

Nilai-nilai Murni

Nilai-nilai murni merupakan nilai-nilai yang dipegang oleh pemimpin yang membentuk asas kepada pemimpin untuk melaksanakan tugas (Sharifah Hayaati, et al., 2009). Ini dapat dilihat dalam ucapan Mahathir, di mana beliau menggabungkan nilai-nilai positif yang dipegang oleh organisasi, penjawat awam dengan menggunakan nilai-nilai murni untuk membimbing tindakannya.

Dalam menggerakkan masyarakat yang membangun seperti Malaysia, prinsip kerajaan juga sentiasa diberikan keutamaan. Mahathir masih merujuk kepada nilai-nilai sosial masyarakat di Asia Timur. Dalam usaha Mahathir menekankan nilai-nilai Asia kepada penjawat awam, beliau menganggap bahawa masyarakat Asia menekankan kepentingan norma bermasyarakat dan keluarga.

Inilah yang mendorong orang Jepun kerana mereka berpegang kepada nilai hidup yang mulia. Apabila bekerja, mereka bekerja dengan cepat. Selain daripada itu, mereka juga beramanah dan mereka mempunyai satu kepercayaan atau sifat atau pun nilai hidup yang menyumbang bertambah kepada kejayaan mereka. (Ogos 2018)

Sebab itu, kita perlu semai nilai hidup yang mulia. Bagi dewasa, penyemaian ini sukar dilakukan kerana mereka sudah serap nilai hidup yang lama tetapi bagi anak-anak kita yang belasan tahun, mereka perlu disemai dengan nilai hidup yang mulia supaya negara kita terkenal sebagai negara yang bekerja kuat, tidak mungkir janji dan tidak meminta upah yang lebih sebaliknya menunggu kepada daya dan kualiti keluaran kita yang tinggi. (Ogos 2018)

Berdasarkan analisis ucapan Mahathir, dapat dilihat dengan jelas kepentingan berlandaskan nilai-nilai tertentu.

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama dan semuanya dijamin di dalam perlembagaan untuk menjalankan cara hidup masing-masing secara bebas dan tanpa paksaan. Pengamalan nilai-nilai murni oleh semua rakyat adalah menjadi asas penting dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan negara. Tanpa nilai-nilai ini, maka masyarakat akan terdorong untuk menerima dan menyanjung nilai-nilai asing yang bercanggah dengan budaya dan amalan tempatan.

Sementara itu, kandungan mesej yang menekankan nilai-nilai murni dapat dilihat ketika beliau membicarakan tentang perpaduan dan keharmonian negara. Ketika menyampaikan perutusan pada bulan Ogos 2018:

Oleh itu, *whether you succeed or fail, depends on your culture*. Pegawai-pegawai kerajaan lebih bertanggungjawab dan hendaklah buktikan bahawa pegangan mereka ialah kepada budaya yang mulia, budaya yang menolak segala perbuatan yang tidak baik dan rasuah umpamanya. Kalau negara kita mempunyai pegawai yang berminat dengan rasuah, percayalah negara kita ini akan hancur (Ogos, 2018).

Harapan saya adalah saya dapat semai nilai hidup yang mulia yang akan menjayakan bangsa dan negara kita supaya kita sekali lagi akan dihormati sebagai 'Harimau Dunia'. (Ogos 2018)

Kajian ini menyimpulkan bahawa tujuan Mahathir membentuk visinya melalui nilai-nilai murni adalah untuk menaikkan semangat dan sokongan daripada rakyat Malaysia.

Kesetiaan

Kesetiaan berkait rapat dengan konsep dan nilai-nilai penting yang lain seperti amanah, kepercayaan dalam pentadbiran awam (Rutgers & Yang, 2018). Mahathir menasihatkan bahawa penjawat awam di negara ini perlu bebas daripada terikat dengan parti pemerintah dan menjalankan tugas mereka dengan lebih berintegriti. Bagaimanapun, beliau berkata penjawat awam perlu memahami bahawa mereka perlu akur terhadap tindakan dan dasar dibuat oleh kerajaan yang dipimpin oleh parti pemerintah bagi memastikan pentadbiran negara diteruskan dengan baik.

Negara kita ini lebih utama dari lain-lain kesetiaan dan ketaatan kita. Kita dilahirkan, membesar, mendirikan keluarga di negara ini dan seterusnya mendapat zuriat yang akan menggantikan kita setelah kita pergi. Tetapi dalam menjalankan tugas kita ini, kita perlu ingat bahawa yang memberi nikmat kepada kita ialah negara kita (Februari 2019).

Tetapi, Mahathir juga menekankan sekiranya terdapat pemimpin yang menyeleweng, tidak menjalankan tugas dengan sebaiknya dan tidak mengutamakan kebaikan masyarakat dan negara, maka kesetiaan itu tidak kuat sehingga melupakan apa yang terjadi kepada negara.

Sudah tentu kita perlu setia kepada parti dan pemimpin kita, tetapi kesetiaan kita hanya adalah kepada negara kita walaupun kita mempunyai pemimpin yang baik, tetapi yang lebih utama ialah negara kita. Hanya kita boleh setia kepada sesiapa sahaja sama ada parti atau pemimpin setakat ianya bekerja menjalankan tugas yang menguntungkan dan memberi kebahagiaan kepada negara kita. (Februari 2019)

Yang utama adalah bukan pertukaran kerajaan, tetapi adalah kesetiaan dan kebaikan bagi negara kita. Jika pemerintahan yang baharu ini berusaha untuk memajukan negara kita dan kita juga dapat nikmat

daripada kemajuan ini, maka kesetiaan ini hendaklah diberi kepada negara yang menentukan segala usaha yang baik untuk negara kita dapat dilaksanakan. Janganlah kita terlalu taksud dengan sesuatu pemimpin atau parti sehingga kita lupakan tentang negara kita. (Februari 2019)

Kesimpulannya, kesetiaan hendaklah diberi kepada negara yang menentukan segala usaha yang baik untuk negara kita dapat dilaksanakan.

Pemulihan Negara

Pemulihan negara berlaku apabila negara mula stabil, maka kerajaan akan mempunyai ruang untuk memulakan proses membina semula negara. (Taskinsoy, 2020).

Mahathir berkata amat penting sekiranya penjawat awam mempunyai semangat yang sebegitu dan yakin negara akan dapat dipulih sehingga menjadi sebuah negara maju.

Menjadi tugas kita semua untuk memulih keadaan ini supaya kita kembali menjadi sebuah negara yang ditadbir dengan baik dan boleh berjaya dalam pembangu nan negara dan dikenali sebagai negara yang mampu mendirikan negara sendiri dengan usaha sendiri (Dis 2018).

Kita harus sedar bahawa negara kita ini dahulu dihormati tetapi sekarang kita sudah tidak dihormati seperti dahulu. Menjadi tugas kita semua untuk memulihkan negara kita ini supaya sekali lagi ianya dipandang tinggi dan dihormati oleh seluruh dunia. Inilah perjuangan kita semua (Mei 2018).

Ini amat penting kalau kita mempunyai semangat yang sebegitu, yakinla negara kita akan dapat dipulih dan akan dapat bangun sehingga kita menjadi sebuah negara maju. Ini lah yang mendorong orang Jepun kerana mereka berpegang kepada nilai hidup yang mulia. Apabila bekerja, mereka bekerja dengan cepat. Selain daripada itu, mereka juga beramanah dan mereka mempunyai satu kepercayaan atau sifat atau pun nilai hidup yang menyumbang bertambah kepada kejayaan mereka. (Ogos 2018)

Saya bersyukur kerana sehingga kini saya tidak menghadapi banyak masalah tentang kerjasama daripada pegawai-pegawai sedia ada. Tetapi kita harus ingat bahawa yang salah masih salah, sebarang perbuatan yang salah mestilah diuruskan mengikut undang-undang negara. Hanya dengan cara itu sahaja, dapat kita bersihkan pentadbiran kita. Apabila pentadbiran kita menjadi lebih bersih, lebih dikenali, lebih efisien dan lebih maju, maka pada ketika itu akan terpulihlah negara (Mei 2018)

Dapat disimpulkan bahawa kerajaan di bawah Mahathir tetap komited dalam melaksanakan inisiatif yang diperlukan untuk mencapai matlamat utama iaitu menyusun semula ekonomi secara progresif, berasaskan pengetahuan dan memperkasa kehidupan rakyat.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat mengungkap empat ciri-ciri pembentukan visi yang berkaitan dengan Mahathir, iaitu tanggungjawab, nilai murni, kesetiaan dan pemulihan negara. Aspek dalam kepimpinan bervisi terbukti ada dalam kandungan ucapan Mahathir. Oleh itu, analisis ini menunjukkan bagaimana komunikasi menyumbang kepada ucapannya yang berjaya serta bagaimana komunikasi mempengaruhi perubahan dasar negara. Penyelidik percaya

bahawa pembentukan visi yang berkesan adalah satu tanggungjawab kritikal pemimpin dan merupakan faktor yang sering membezakan antara pemimpin yang berjaya dan tidak berjaya.

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain. (1997). The leadership factor in administrative reform in Malaysia, with a specific study on the leadership of Dr. Mahathir Mohamad, Prime Minister of Malaysia. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 5(2), 103-123.
- Ahmad Atory Hussain & Malike Brahim. (2006). Administrative modernization in the Malaysian local government: A study in promoting efficiency, effectiveness and productivity. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 14 (1), 51-62.
- Berson, B., Halevy, N., Shamir, B., & Erez, M. (2015). Leading from different psychological distances: A construal-level perspective on vision communication, goal setting, and follower motivation. *The Leadership Quarterly*, 26, 143-155.
- Bromley, H. R. & Kirschner-Bromley, V. A. (2007). Are you a transformational leader?. *Physician Executive; Tampa* 33(6), 54-7.
- Cheah, J. L. S. & Ahmad, M. K. (2017). Confucian Value-Based Leadership Communication: A study on Tun Dr. Mahathir Mohamad. *Malaysian Journal of Communication*. 33(3), 140-156.
- Emrich, C. G., Bower, H. H., Feldman, J. M., & Garland, H. (2001). Images in words: Presidential rhetoric, charisma, and greatness. *Administrative Science Quarterly*, 46(3), 527-58.
- Fadzin Nazirin Bin Mihat, Mohammad Mujaheed Hassan, & Farah Husna Anwar (2020). Perkaitan antara Motivasi dan Prestasi Kerja Terhadap Kepuasan Kerja dalam kalangan Penjawat Awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(10), 34-57.
- Holladay, S.J., & Coombs, W.T. (1994). Speaking of visions and visions being spoken: An exploration of the effects of content and delivery on perceptions of leader charisma. *Management Communication Quarterly: McQ*, 8(2), 165-189.
- Ishtiaq Hossain (2011). Leaders with many traits but a singular purpose: Lee Kuan Yew and Mahathir Mohamad. *Asiatic*, 5(2), 122-130.
- Jaes, L., Nurul Aimi Razali & Khairul Azman Mohamad Suhaimy (2020). Mahathir as the Prime Minister: Peak of "Paternalistic Leadership" in Malaysia. *Journal of Social Transformation and Regional Development*. 2(1), 42-51.
- Kantabutra, S. & Avery, G.C. (2010). The power of vision: Statements that resonate. *Journal of Business Strategy*, 31(1), 37-45
- Kearney, Shemla, Knippenberg & Scholz (2019). A paradox perspective on the interactive effects of visionary and empowering leadership. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. <https://doi.org/10.1016/j.obhdp.2019.01.001>
- Khoo, B. T. (1995). *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Martin, J. S., McCormack, B., Fitzsimons, D. & Spirig, R. (2014). Evaluation of leadership practices: How to develop a vision. *Journal of Research in Nursing*, 19(2), 102-115.
- Mauzy, D. K., & Milne, R. S. (1983-1984). The Mahathir administration in Malaysia: Discipline through Islam. *Pacific affairs*, 56(4), 617-648.
- Mayfield, J., Mayfield, M. & Sharbrough, W. C. (2015). Strategic vision and values in top leaders' communications: Motivating language at a higher level. *International Journal of Business Communication*, 52(1), 97-121.
- Naidoo, L. J., & Lord, R. G. (2008). Speech imagery and perceptions of charisma: The mediating role of positive affect. *The Leadership Quarterly*, 19, 283-296.
- Rutgers, M. R. & Yang, L. (2018). Virtue or Vice: The Nature of Loyalty. *Public Integrity*, 1-12.

- Shamir, B., House, R. J., & Arthur, M. B. (1993). The motivational effects of charismatic leadership: A self-concept based theory. *Organization Science*, 4(4), 577-594.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman & Mohd Izani Mohd Zain (2009). Pengukuhan nilai dan profesionalisme di kalangan penjawat awam ke arah efektif governan di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(3), 559-592.
- Smutkupt, S. (2014). The Key Antecedents of Shared Vision: A Case Study on AN Industrial Estate Developer in Thailand. *AU Journal of Management*,
- Taskinsoy, J. (2020). Malaysia: "Crouching Tiger, Hidden Dragon" (January 19, 2020). Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=3522206> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3522206>
- The Prime Minister Malaysia Office Website. <https://www.pmo.gov.my/>
- Tujuba, D. E. & Davidson, L. M. (2019). The Relationship between Context of Communication and Purpose in Leadership of Ethiopian Public University Leaders. *International Journal of English Language, Literature in Humanities*. 7(1), 1943-1957.
- Zainal Yang (2003). Nilai, etika dan budaya kerja dalam pentadbiran dalam pentadbiran sektor awam di Malaysia dari perspektif Islam (Satu imbasan tinjauan karya). *Jurnal Pengurusan Awam*. 2(1), 45-67.